

12 JAN 1996

DR MAHATHIR RASMI SESI JAWATANKUASA PENYELARAS DAKWAH

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini merasmikan sesi ke 10 Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai aktiviti dakwah di sini.

Mesyuarat tiga hari itu dihadiri oleh kira-kira 100 orang delegasi dari negara-negara anggota OIC.

Ia merupakan forum untuk membincang dan menyelaras aktiviti dakwah di kalangan negara-negara anggota dan juga membantu negara-negara dengan penduduk Islam minoriti dalam menggalakkan aktiviti dakwah.

Sebanyak enam kertas kerja akan dibentangkan meliputi topik-topik seperti mewujudkan negara Islam yang progresif berdasarkan kepada pembangunan ekonomi dan industri. -- BERNAMA